

# Social and Cultural Aspects of the Iban Community in Sarawak

## Aspek Sosial dan Kebudayaan Masyarakat Iban di Sarawak

Haslinda Md. Nazri

Ceramic Department, faculty of Art and Design, Universiti Teknologi MARA Perak Branch,  
Seri Iskandar Campus ,32610 Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA.

Author email: [hasli550@perak.uitm.edu.my](mailto:hasli550@perak.uitm.edu.my)

Published: 7 September 2018

### ABSTRACT

*Sarawak is the largest country in the Malaysian Federation, having a rich and colorful cultural heritage from the diversity of customs and traditions of its multi-ethnic population. Culture is a comprehensive value system consisting of various material and immaterial aspects. Culture needs to be documented to maintain the nation's cultural heritage so that it is not forgotten or lost. Even though they have achieved independence and lives in modernization, the clash between various forms of traditional culture and the new cultural values persists. However, the traditional cultural values must be preserved as the nation's cultural heritage.*

**Keywords:** *heritage, clash of cultural values, traditional values*

### ABSTRAK

*Sarawak merupakan negeri terbesar dalam Persekutuan Malaysia, mempunyai warisan budaya yang kaya dan berwarna-warni daripada keberbagaian adat dan tradisi penduduknya yang berbilang kaum. Budaya adalah satu sistem nilai yang menyeluruh yang terdiri daripada pelbagai aspek material dan bukan material. Budaya perlu dilakukan pendokumentasian agar dapat mempertahankan warisan budaya bangsa agar tidak dilupakan atau pupus. Walaupun sudah mencapai kemerdekaan serta hidup dalam arus kemodenan, wujudnya pertembungan berbagai-bagai bentuk dan nilai budaya tradisi dengan nilai budaya yang baru, namun begitu nilai-nilai budaya tradisonal harus dipertahankan sebagai warisan budaya bangsa.*

**Kata kunci:** *warisan, pertembungan budaya, nilai tradisi*

eISSN: 2550-214X © 2018. The Authors. Published for Ideology Journal of Arts and Social Science by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

## 1. LATAR BELAKANG

Negara Malaysia merupakan negara yang kaya dengan kepelbagaian dan keunikan bangsa dan etniknya. Walaupun mempunyai rakyat berlainan bangsa namun Malaysia tidak menghadapi masalah berkenaan perbezaan tersebut. Hal ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang penuh warna-warni dan keunikan tersendiri. Sarawak terkenal dengan nama jolokannya iaitu Negeri Bumi Kenyalang yang mempunyai rakyat yang terdiri daripada pelbagai suku kaum. Terdapat kira-kira 30 kumpulan etnik di Sarawak. Kaum Iban merupakan suku kaum yang terbesar di Sarawak, diikuti oleh kaum Cina, melayu, Bidayuh, Melanau dan kaum-kaum etnik yang lain.

Mengikut bancian pada tahun 2010, kini kaum Iban mencapai sebanyak 60% jumlah penduduk di Sarawak iaitu 2,745,400 orang. Mengikut sejarah kaum Iban, mereka lebih bertumpu di bahagian barat laut Kepulauan Borneo. Kebanyakan kaum Iban kini tinggal di negeri Sarawak dan terdapat juga sebilangan orang Iban di Kalimantan Barat, Indonesia, iaitu di sebuah kawasan di sekitar Sungai Kapuas. Pada masa dahulu, setelah orang Iban menetap di beberapa dekad di sepanjang Sungai Merakai,

Indonesia, salah seorang ketua mereka yang bernama Gelungan bersama pengikut-pengikutnya telah keluar dari kawasan itu untuk menerokai sebuah penempatan baru yang lebih baik dan selesa. Kemudian, mereka telah menetap di Bukit Balau yang terletak antara Merakai dan Sungai Batang Undop. Seterusnya diikuti pula oleh kumpulan kedua orang Iban yang diketuai seorang ketua bernama Langkup. Kumpulan kedua ini telah menetap di bahagian tengah kawasan Batang Undop. Setelah dua kumpulan ini menetap di Bukit Balau dan Batang Undop, kumpulan ketiga orang Iban yang diketuai oleh Jelian telah menetap di Wong Empangu, iaitu di kawasan hilir Batang Undop (Benedict Sandin, 1967:2). Berdasarkan kajian sejarah, pada masa dahulu kaum Iban suka mengembara dan juga berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk mencari kawasan yang lebih subur untuk menanam padi bukit dan juga untuk mendapatkan binatang buruan dan ikan. Tempat asal mereka tidak dapat ditentukan, tetapi ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa orang Iban pernah tinggal di kawasan Hulu Kapuas dan Ketungau di Kalimantan Barat, Indonesia sebelum berpindah ke Sarawak. Orang Iban dipercayai telah datang ke kawasan Sarawak pada awal tahun 1540 (Chang Pat Foh, 1999:18).

Walaupun bagaimanapun, kesan daripada corak pertanian pindah yang mereka amalkan menyebabkan orang Iban terdapat di semua bahagian negeri Sarawak, terutamanya di bahagian Sri Aman, Samarahan, Betong, Sarikei, Sibuan, Pakan, Kapit, Bintulu, Baram, dan Miri. Orang Iban pada suatu ketika dahulu, lebih dikenali dengan panggilan 'Sea Dayak' di kalangan warga asing. Panggilan tersebut adalah disebabkan mereka biasanya bergerak di kawasan laut sebagai lanun dan juga sebagai pelayar yang handal. Orang Iban dikategorikan ke dalam kumpulan Melayu Proto, iaitu sama dengan orang Melayu Sumatera dan Semenanjung Malaysia (Derek Freeman, 1955: 6). Menurut tradisi lisan masyarakat Iban, penghijrahan gelombang pertama orang Iban ialah dari Kapuas, Kalimantan Barat, Indonesia, dan di Sarawak pula, petempatan awal mereka terletak di Batang Sungai Undop, Simanggang. Penghijrahan gelombang kedua pula bertempat di Bahagian Sibuan dan Kapit. Corak kehidupan kaum Iban pada masa itu disesuaikan dengan cara mereka mengeksplotasi hutan rimba untuk menanam padi bukit, memburu binatang di hutan dan menangkap ikan di sungai yang berhampiran

## **2. KEDIAMAN/ TEMPAT TINGGAL**

Pada era dahulu, kebanyakan orang Iban tinggal di rumah panjang yang dibina daripada kayu belian dan pelbagai jenis kayu yang lain. Tempoh mereka mendiami sesebuah rumah panjang tersebut dianggarkan antara 30 hingga 40 tahun. Selepas itu, mereka akan membina penempatan baru yang berlainan daripada tempat asalnya. Tetapi, pada masa kini, orang Iban jarang-jarang didapati tinggal di rumah panjang yang diperbuat daripada kayu. Mereka membina rumah panjang dengan menggunakan batu-bata dan simen. Kini bentuk rumah panjang mereka telah bercorak moden, malah sesetengahnya mengalahkan rumah teres yang dibeli di bandar-bandar. Menurut profil Bahagian Sri Aman tahun 2002, terdapat lebih kurang 331 buah rumah panjang di Bahagian Sri Aman yang kesemuanya didiami oleh kaum Iban sahaja.

Rumah panjang merupakan kediaman utama bagi kaum Iban. Setiap rumah panjang ini diketuai oleh seorang ketua rumah yang dikenali sebagai 'Tuai Rumah'. Pada kebiasaannya sesebuah rumah panjang itu didiami oleh sepuluh ataupun lebih keluarga dan setiap keluarga itu mempunyai bilik masing-masing. Penghuni rumah panjang ini mempunyai tali persaudaraan yang sangat rapat.

Rumah panjang ini mempunyai ciri-ciri dan keistimewaan tersendiri terutamanya dari segi keselamatan dan kebudayaan. Senibina rumah ini berpegang teguh dengan adat tradisi tempatan suku kaum masing-masing yang tidak dipengaruhi oleh mana-mana masyarakat luar. Rumah ini menggunakan tiang jenis kayu keras dan tidak mudah reput seperti kayu belian yang mudah didapati di Kepulauan Borneo. Bumbungnya dari daun rumbia kulit kayu, atau belahan kayu belian seperti Biru, Pantu, Mulong dan jenis daun tebal. Dinding rumah berkenaan diperbuat daripada kulit kayu seperti Terentang atau buluh yang dikelar dan dibelah. Lantainya pula menggunakan buluh, papan atau kulit kayu. Tangga rumah diperbuat daripada sebatang kayu bulat yang ditakik dengan beliong dan dipanggil tangga takik.

Rumah Panjang mempunyai 3 ruang iaitu *tanju* (serambi atau beranda terbuka), *ruai* (ruang terbuka) dan bilik. Bahagian di atas bilik dan ruai dipanggil *sadau* (peran) sebagai tempat tidur anak dara dan juga tempat menenun disamping tempat menyimpan bijian dan perkakas.

Tuai rumah bertanggungjawab dalam mentadbir pelbagai kegiatan yang diadakan di rumah panjang, menguatkuasakan adat dan peraturan rumah panjang dan juga mendengar serta menyelesaikan persengketaan atau perselisihan paham yang timbul dikalangan penghuni rumah panjang tersebut. Jawatan ini merupakan jawatan yang diwarisi pada suatu ketika dahulu, namun pada masa kini jawatan tersebut akan dipilih oleh ketua-ketua bilik di rumah panjang tersebut. Tuai rumah ini biasanya terdiri daripada kalangan keluarga yang berada kerana beliau sering kali terpaksa melayan tetamu yang datang berkunjung ke rumah panjang tersebut.

Layanan terhadap pelawat yang datang diberikan keutamaan yang tinggi oleh penduduk rumah panjang. Setiap pelawat akan diberikan tempat tinggal, dihidangkan makanan yang sedap dan orang Iban tidak akan mengharapkan balasan diatas pemberian yang telah diberikan kepada pelawat ini.

Kini, cara hidup orang Iban telah mengalami perubahan. Mereka sudah kurang berpindah atau memperluaskan kawasan ke kawasan yang baru. Perubahan in berlaku adalah disebabkan kesukaran untuk mencari kawasan yang cukup luas dan bersesuaian dengan cara hidup mereka. Kawasan yang sesuai dan yang masih belum diterokai kebanyakannya terlalu jauh di kawasan pedalaman. Sekiranya ada kawasan yang bersesuaian pula telah dijadikan hutan simpan atau hutan yang diisytiharkan sebagai hutan terkawal oleh pihak berkuasa. Corak penempatan kaum Iban kini lebih stabil. Ia dapat dicapai kerana kewujudan kegiatan penanaman getah, lada hitam dan juga koko serta tanaman kontan yang lain. Walaupun terdapat aktiviti penanaman kontan ini, mereka masih lagi mengusahakan penanaman padi bukit secara tradisonal.



**Gambar 1.1:** Contoh rumah panjang yang dirikan diatas tiang-tiang

## 2.1 Ngayau (Memotong kepala)

Ngayau ialah salah satu daripada ekspedisi serangan yang dilakukan dalam Adat Tradisi Suku Kaum Dayak Iban pada suatu masa dahulu. Pada mulanya Ngayau dilakukan atau dimulakan daripada asal usul Suku Kaum Dayak Mengayau, iaitu salah satu daripada suku kaum yang tinggal di Kalimantan Barat, Indonesia. Perkataan Ngayau ialah bermaksud : Satu ekspedisi sekumpulan manusia yang pergi



menyerang perkampungan atau rumah panjang orang lain yang mana ia dikenali sebagai “Kayau Serang”. Dan satu lagi jenis serangan yang dilakukan yang mempunyai jumlah pengikutnya yang kecil dan ia dikenali sebagai “Kayau Anak”. Kayau Anak ini ialah satu serangan yang sangat ditakuti oleh semua orang pada zaman dahulu kala.

Makanya “Kayau Serang” ialah sekumpulan besar manusia berhimpun dan berkumpul menjadikan satu kelompok yang besar setelah dipanggil oleh seorang ketua dan merancang untuk mengatur satu serangan terhadap pihak musuh yang mana mereka adalah datang beramai-ramai daripada rumah panjang yang berlainan untuk menyerang musuh mengikut kata-kata perintah daripada ketua mereka yang dikenali sebagai “Tuai Kayau” atau “Tuai Serang”.



**Gambar 2:** Kayau Serang yang berpakaian lengkap

Mereka melakukan serangan ini tanpa sebarang perancangan rapi atau boleh dikatakan ia dilakukan secara seponatan akibat hati yang memberontak terhadap pihak musuh. Semasa ekspedisi ngayau ini pahlawan yang telah berjaya mengalahkan musuh mereka mestilah memenggal kepala musuh yang telah mereka bunuh sebagai satu tanda keberanian mereka dalam serangan tersebut. Mereka juga akan merampas semua harta benda musuh yang mereka suka dan juga menangkap semua musuh yang masih hidup untuk dibawa pulang ke kampung halaman supaya musuh itu nanti akan dijadikan sebagai hamba abadi mereka. Ada juga diantara mereka yang berjaya mengalahkan musuh ini telah menangkap anak putri Ketua Kayau musuh untuk dijadikan sebagai isteri mereka.

Cerita mengenai Ngayau ini pernah ditulis dalam buku oleh Karya Bock dalam tahun 1881 yang berjudul “The Head Hunters Of Borneo” yang menceritakan suku kaum Dayak Iban ialah satu suku kaum yang tinggal di kepulauan Borneo yang dikenali ramai kerana berani berkorban nyawa hingga ke titisan darah yang terakhir kerana hendak mendapatkan seberapa banyak kepala musuh yang berjaya dipenggal yang berjaya ditawan ketika mereka pergi Ngayau. Secara tidak langsung akan menaikkan nama mereka sebagai orang yang dikenali ramai dan dilantik sebagai seorang ketua dikalangan kaum mereka. Kepala musuh yang diperolehi semasa ‘nyagau’ ni akan diproses dan diawet dengan menggunakan cara tradisional yang dipanggil ‘salai’. Proses ini bermula dengan menyalai kepala tersebut di atas api yang perlahan. Apabila kepala musuh (tengkorak) ini sudah kering ia digelar ‘antu pala’ atau hantu kepala dan dianggap sebagai ‘pesaka’ atau harta keluarga.

Kaum Iban percaya bahawa memiliki *antu pala* ini akan memberikan tuah, kekuatan, kekayaan kepada pemilik dan penghuni rumah panjang tersebut. *Antu pala* ini akan digantung pada sejenis dapur, *bediling* di ruai dan akan dipanaskan dengan menggunakan api yang kecil. Ini dilakukan kerana mereka beranggapan bahawa *antu pala* ini memerlukan pemanasan agar dapat berehat dengan aman. *Antu pala* ini juga diberikan makan, minuman tuak serta akan diusap dengan darah ayam yang segar dari semasa ke semasa. Ini bertujuan untuk mententeramkan roh kepala tersebut.



**Gambar 3:** Contoh antu pala yang terdapat dirumah panjang

Pada masa kini *ngayau* adalah perkara yang lampau dan telah lama dilupakan. *Antu pala* kini jarang dapat dilihat di rumah panjang. Sebahagian besarnya telah dihapuskan melalui upacara khas di tanah perkuburan. Salah satu punca penghapusan adalah tentangan atau tekanan daripada agama Kristian yang dianuti oleh kaum Iban pada masa kini.

## 2.2 Ngayap

Bagi masyarakat Iban dahulu, usaha bagi si teruna untuk memikat si dara akan dilakukan pada malam hari melalui amalan yang dipanggil *Ngayap* (*Sandin, 1980:69*). Amalan *ngayap* ini dilaksanakan bagi membolehkan si teruna dan si dara untuk berkenalan serta meluahkan isi hati kepada pasangan masing-masing. Walaupun amalan *ngayap* dibenarkan, namun *ngayap* seharusnya dilakukan dengan adap sopan santun yang berlandaskan adat dan pegangan hidup bermasyarakat kaum Iban itu sendiri bagi mengelakkan salah sangka dan fitnah yang boleh mencemarkan nilai budaya masyarakat Iban.

Pada masa dahulu *ruding*, iaitu sejenis alat muzik telah memainkan peranan yang penting sebagai alat perhubungan di antara si teruna dan si dara sebelum berlaku *ngayap*. Pada malam tersebut si teruna akan memainkan alat muzik tersebut di ruai yang berdekatan dengan bilik si dara untuk memaklumkan kehadirannya. Si dara akan membalas dengan menghantar mesej dengan menggunakan alunan merdu alat muzik tersebut. Jika jawapan positif yang diberikan oleh si dara, maka si teruna boleh meneruskan hajatnya.

Mengikut Adat, seseorang teruna boleh mengunjungi si dara tidak melebihi daripada tiga malam berturut-turut. Jika kunjungan berterusan, maka ibu- bapa si gadis mempunyai hak untuk menentukan dan bertanya kepada si teruna samada si teruna serius di dalam usahanya untuk memikat atau tidak. Sekiranya didapati si teruna tidak jujur dan hanya ingin berfoya-foya maka kunjungannya haruslah dihentikan dengan segera. Sebagai tanda kejujuran si teruna akan memberikan hadiah kepada si dara.

Apabila si teruna serius dan bercadang untuk mengawini si gadis, maka si teruna dinasihatkan supaya memberitahu ibubapanya tentang hasratnya untuk datang meminang si gadis. Sekiranya si teruna masih berkunjung tanpa membuat keputusan maka ibubapa si gadis berhak menangkap si teruna dan menguruskan perkahwinan pasangan yang berkernaan dan kemudian merujuk perkara tersebut kepada Tuai Rumah (Ketua Kaum) dan penduduk rumah panjang yang berkenaan.

Pada masa kini tradisi dan amalan *ngayap* tidak lagi diamalkan di dalam arus pembangunan dan cara hidup yang lebih bersifat kemodenan, justeru itu perjumpaan si teruna dan dara dijalankan semasa majlis keramaian, seperti gawai, pergaulan di sekolah, di institusi pengajian tinggi, atau di tempat kerja pasangan masing-masing.

### 3. PERKAHWINAN

Apabila proses *ngayap* telah berjalan dengan lancar, pasca seterusnya ialah melalui majlis perkahwinan. Perkahwinan ini perlu mendapat persetujuan daripada kedua-dua belah pihak. Pada peringkat permulaan keluarga lelaki atau ibu bapa akan menghantar rombongan kecil yang terdiri daripada saudara mara yang terdekat. Ia dipanggil *bebungan ka jako* (melamar dan merisik). Sekiranya mendapat persetujuan, rombongan kedua akan menyusul dan ia dipanggil *nanya indu* (rombongan meminang).

Dalam budaya orang Iban, mereka tidak mengamalkan adat pertunangan. Sebelum bermula upacara perkahwinan berlangsung, isu *nguai* perlu diselesaikan terlebih dahulu. *Nguai* ialah penyelesaian bagi tempat tinggal setelah berkahwin kelak. Menurut tradisi mereka, anak sulung lelaki seharusnya membawa isterinya tinggal bersama dengan keluarga asalnya. Pasangan yang berkahwin ini boleh memilih untuk mengadakan majlis besar-besaran iaitu *Melah Pinang* ataupun secara kecil-kecilan yang dipanggil *Baterang Nikah*. Ia sekadar mengumumkan pernikahan. Apabila upacara *Melah Pinang* berlaku, rombongan pengantin lelaki akan pergi mengambil pengantin perempuan (*ngambi indu*). Semasa didalam perjalanan, ia turut disertai dengan paluan gong dan gendang tradisional yang kuat. Ini bertujuan untuk tidak mendengar bunyian atau pentanda burung yang tidak baik sepanjang perjalanan tersebut. Beberapa das tembakan ke udara bagi menyambut rombongan yang telah sampai. Upacara *miring* diadakan dikawasan kaki tangga rumah panjang untuk mententeramkan sebarang petanda yang tidak baik. Selesai upacara tersebut, rombongan akan menuju ke ruai dan diberikan minuman tuak pada setiap pintu bilik yang mereka lalui.

Kota tradisional dibina dengan menggunakan kain pua kumbu untuk merentangi ruai pengantin perempuan. Setelah upacara makan orang-orang tua berlangsung, perbincangan mengenai menyusungalur keturunan dan tali persaudaran akan dilakukan. Seterusnya seorang yang berstatus tinggi akan tampil membawa sejenis raga (*selok*) yang berisi buah pinang. Buah pinang ini akan dibelah tiga, lima atau tujuh keping. Setiap jumlah belahan melambangkan jumlah hari pasangan akan balik kerumah panjang pengantin setelah selesai majlis perkahwinan.

Upacara *bebiau* iaitu mengibarkan ayam jantan untuk memberkati pasangan pengantin akan dilakukan pada sebelah malam dan disaksikan kedua-dua ibu bapa dan saudara mara serta penghuni rumah panjang tersebut. Pasangan pengantin akan memakai pakaian tradisional dan dikehendari duduk diantara gong yang telah dilapik dengan kain pua kumbu. Pakar *biau* akan memegang seekor ayam jantan dan mengibarkan ayam jantan tersebut di atas kepala pengantin secara perlahan sambil menjampi dengan menyebut kata yang baik kepada *Petera* agar perkahwinan tersebut dirahmati. Apabila selesai upacara tersebut, pakar *biau* akan mengumumkan pada hadirin di majlis itu bahawa pasangan tersebut kini adalah suami isteri mengikut adat Iban.



**Gambar 4:** Pengantin kaum iban yang berpakaian tradisional

#### 4. KEMATIAN

Kematian pasti akan berlaku. Dalam adat kaum Iban, sekiranya berlaku kematian, berita sedih ini perlu disampaikan kepada saudara mara (*berpadah*) dengan kadar segera. Mayat tersebut akan diuruskan dengan teliti dan penuh hormat. Matanya akan ditutup rapat, dimandikan, rambut disikat rapi serta dipakaikan pakaian yang yang terbaik. Mayat akan diletakkan di ruai di atas para yang dibina khas dan dilindungi oleh *sapat* iaitu sejenis kain pendinding kain tenunan yang digelar pua kumbu. Semua barangan milik peribadi akan diletakkan di atas kepada mayat tersebut. Mayat akan berada di rumah panjang selama dua hari bagi menunggu kedatangan saudara mara yang jauh.

Seorang perempuan tua *tukang sabak* (jururatap) akan menyampaikan rangkapan mentera (puisi kesedihan). Beliau menceritakan perjalanan roh orang meninggal menuju ke dunia *sebayan* (akhirat). Proses ini bermula pada waktu malam sehingga waktu subuh. Pada kebiasanya *tukang sabak* ini akan diberikan upah berbentuk wang ringgi, pinggan, tajau, kain, sekor ayam, parang atau kepingan besi.

Keranda biasanya diperbuat daripada kayu yang bermutu tinggi oleh tukang yang mahir. Keranda tersebut akan dihias menggunakan ukiran tradisional Iban. Sebelum mayat dikebumikan, ia akan diletakkan di dalam keranda dan kemudiannya diberikan makan untuk kali terakhir. Pinggan yang digunakan untuk memberikan makanan tersebut akan dipecahkan sehingga menjadi sepihan-sepihan kecil dan dibuang ke tanah melalui lubang lantai ruai. Setelah keranda ditutup rapat, ia akan dibawa ke tanah perkuburan untuk dikuburkan sebelum matahari terbit. Sebelum lubang kubur digali, satu upacara kecil dijalankan iaitu upacara menyembelih ayam. Darah ayam ini akan diusapkan atau disiramkan ke atas kawasan tanah kubur tersebut untuk *ngeselan tanah* (mententeramkan dewa-dewa tanah).

Setelah upacara pengebumian selesai, pondok kecil dibina diatas kubur. Ia berfungsi untuk melindungi tempat serta menyimpan barang-barang peribadi orang yang meninggal itu. Proses



berkabung berlangsung selama satu sehingga tiga bulan. Semasa tempoh berkabung, semua kegiatan suka ria tidak dibenarkan di dalam rumah panjang tersebut. Sebarang bentuk hiburan melalui radio atau television juga tidak dibenarkan dimainkan.

Setelah tamat tempoh berkabung, seorang yang berstatus tinggi yang sudah berumur akan dijemput untuk melakukan upacara *ngetas ulit* atau menutup tempoh berkabung. Upacara ini diadakan sebelum matahari terbit atau sesudah matahari terbenam dengan niat agar dikurniakan kesejahteraan pada keluarga tersebut.



**Gambar 5:** Perkuburan orang Iban

## 5. KEPERCAYAAN DAN AMALAN KEAGAMAAN

Kepercayaan orang Iban yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi tidak pernah berubah dari segi konsep, pemahaman dan prinsipnya. Namun pada masa kini sebahagian besar orang Iban telah menganuti agama Kristian. Walaupun berlaku perubahan, namun mereka yang tidak menganuti apa-apa agama masih taat dan setia mengamalkan kepercayaan tradisonal yang dipanggil *Pengarap Lama*. Menurut kepercayaan ini *Petara* (Tuhan) memang wujud. Ia disembah dan dipuja melalui ritual-ritual yang dilakukan.

Prinsip asas kepercayaan tradisonal, adat dan kebudayaan Iban dapat dikaji hingga ke lagenda Kree Raja *Petara* atau Raja Semua Raja, Senggala Burung, Sempulang Gana dan Puntang Raja. Mereka ini berfungsi sebagai pesuruh utama *Petara* kepada orang Iban pada masa dahulu.

### 5.1 Perayaan (Gawai)

Perayaan bagi kaum Iban sebenarnya ketika membuat pemujaan, melakukan permohonan, rayuan, seruan ataupun doa yang dibuat kepada *Petara*. Perayaan yang tidak mempunyai sebarang kepercayaan ialah Gawai Dayak yang disambut pada setiap 1 Jun bagi setiap tahun. Gawai ini merupakan perayaan yang baru bagi kaum Iban dan ia diwujudkan atas permintaan ketua-ketua masyarakat Dayak. Kini Gawai Dayak telah diktiraf di peringkat negeri. Terdapat dua perayaan utama yang sambutan dengan meriah iaitu Gawai Batu dan Gawai Kenyalang (Gawai Burung)

Gawai Batu dianggap sebagai perayaan utama, ini adalah kerana kepentingannya serta objektif yang berkait rapat dengan upacara berhuma. Asal usul perayaan ini boleh dilihat pada lagenda manusia luar biasa yang dikenali sebagai Sempulang Gana Bujang Rangkak Kirai Raja Sua yang dikatakan tinggal di dunia kayangan. Mengikut kepercayaan mereka, beliau merupakan pesuruh utama *Petara* dan bertugas sebagai penjaga tanah, kerja-kerja berhuma dan bercucuk tanam. Gawai Batu ini tidak semestinya diraikan pada setiap tahun, namun begitu ia disambut bagi mencapai dua tujuan utama :

- a) Ketika berpindah ke rumah panjang yang baru, rayuan dibuat kepada *Petara* agar rumah panjang yang baru tersebut diberikan keberkatan, kemakmuran, kesenangan hidup dapat diperolehi oleh



penduduk berkenaan .

- b) Apabila mendapat hasil tuaian yang tidak bagus pada tahun lalu, maka sebelum melakukan tuaian yang baru perlulah membuat permohonan kepada *Petara* supaya membersihkan tanah huma dari serangga perosak atau penyakit lain.

Perayaan ini bermula dengan mengumpul berbagai-bagai jenis makanan yang akan diberikan kepada *Antu Rua* (Jin Pembaziran). Makanan tersebut akan dibuang ke tanah dan dipercayai akan mententeramkan *Antu Rua* dari terus menyebabkan pembaziran kepada penduduk rumah panjang tersebut. Pada malam tersebut, *lemambang* (pembaca mentera) akan mententeramkan *Pengap Gawai Batu* sebagai doa dan membuat permohonan kepada *Petara* untuk memberikan keberkatan ke atas 'batu pengasah', dan seterusnya menghasilkan tuaian yang banyak serta memberikan kesenangan pada masa akan datang. Pada keesokan harinya, sekor babi yang telah disediakan akan dibunuh. Hatinya akan diambil dan diletakkan dia atas daun *sabang*. Mentera akan dibaca oleh seorang pakar. Bagi mengakhiri upacara ini, batu pengasah bagi setiap keluarga akan diambil dan dibawa ke tapak huma masing-masing. Upacara kedamaian akan dilakukan bagi mententeramkan dewa-dewa tanah. Penghuni rumah panjang hanya akan dapat menyambut gawai yang besar seperti *Gawai Kenyalang* dan *Gawai Antu* setelah mendapat hasil tuaian yang baik atau mendapat kejayaan yang lain.

## 5.2 Gawai Kenyalang atau Gawai burung

Asal usul perayaan ini dikaitkan dengan legenda ternama kaum Iban iaitu Aki Lang Sengalang Burung Jagu Menaul Tuntung dan abang Sempulang Gana. Sengalang Burung telah ditugaskan oleh *Petara* untuk bertanggungjawab diatas peperangan. Beliau mempunyai semua jenis tangkal atau *pengaroh* untuk melawan musuh. Tujuan utama perayaan ini diraikan adalah seperti berikut:

- a) Semasa atau sebelum ekspedisi perang (nyayau)
- b) Pahlawan yang mendapat mimpi atau visi melalui pesuruh *Petara* untuk mengadakan gawai.
- c) Seseorang yang mendapat hasil tuaian yang bagus

Perayaan ini berlangsung di ruang *tanju* iaitu tempat jemuran rumah panjang. Sekumpulan pahlawan atau yang mempunyai status yang tinggi akan berkumpul dan duduk mengelilingi pokok *sabang*. Mereka dihidangkan dengan daging mentah dan minuman darah yang masih segar. Semasa perayaan ini, jampi mentera akan dilagukan kepada *Petara* untuk memohon keberkatan, perlindungan serta *Petara* membantu dalam menghapuskan musuh.

## 5.3 Gawai Antu (Perayaan bagi roh yang sudah mati)

Persediaan untuk menyambut perayaan ini berbeza disebahagian kawasan. Namun begitu persediaan yang rapi perlu dilakukan dua hingga tiga tahun sebelum perayaan ini disambut. Persediaan ini memerlukan kerjasama ahli rumah panjang untuk mengumpul wang, makanan serta keperluan yang lain. Terdapat empat peringkat utama perayaan ini. Ia adalah seperti berikut:

- a) Peringkat *me-I* iaitu peringkat memasak nasi untuk dijadikan tuak dan dibuat dalam masa seminggu sebelum menjalankan kerja *beban* iaitu peringkat untuk menyediakan kayu yang akan digunakan untuk membina *sungkup* (pondok kecil yang bina khas untuk orang yang sudah mati).
- b) *Beban* pula diadakan tiga minggu sebelum upacara *nyanyam*. Kayu yang digunakan untuk membina *sungkup* ialah jenis kayu belian.
- c) *Nyanyam* ialah upacara menganyam yang diadakan seminggu sebelum upacara sebenar. Bahan utama yang digunakan adalah buluh.
- d) *Gawai Antu* yang sebenar.

Pada hari perayaan, tetamu akan hadir pada awal pagi dan akan disambut oleh ketua bilik yang telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan dan menguruskan tempat tinggal mereka. Tetamu akan diiringi berjalan melalui *ruai* dan diberikan tuak pada setiap bilik yang mereka lalui. Ini merupakan permulaan upacara. Perayaan akan berlangsung sepanjang hari sehingga awal pagi keesokkannya. Tuak dan minuman keras serta makan dihidangkan sepanjang perayaan ini.

*Ngalu Petara* adalah upacara unik pada perayaan ini. Satu perarakan besar-besaran yang disertai oleh pemuda dan pemudi yang berpakaian tradisonal berwarna –warni. Ia turut diiringi dengan aluan muzik tradisional tanpa henti. Upacara *nimang jalang* (menyampaikan sejenis mentera untuk memberkati tuak di dalam mangkuk besar) pula dilakukan oleh sekumpulan *lemambang*. Upacara ini berlangsung selepas majlis makan malam dan berakhir pada waktu subuh. Manakala upacara *nuntung ka jalang* (menghidangkan tuak yang sudah diberkati) dilakukan oleh pahlawan –pahlawan yang terkemuka. Mereka akan meminum tuak secara perlahan-lahan sehingga ke titisan yang terakhir.

Pada awal pagi pula, upacara *nyirup buluh* (minum tuak daripada ruas buluh) akan diadakan. Apabila selesai upacara ini, barulah tetamu boleh pulang ke bilik masing- masing. Pada pagi berikutnya *sungkup* yang telah dihiasi cantik dengan ukiran tradisonal dibawa ke kawasan perkuburan. Ia didirikan di atas kubur-kubur orang yang telah meninggal. Upacara ini merupakan acara terakhir dalam perayaan ini.

## 5.4 Gawai Dayak

Perayaan ini tiada kaitan dengan sebarang kepercayaan. Ia diraikan pada setiap 1 Jun pada setiap tahun. Semasa perayaan ini mereka akan mengadakan rumah terbuka untuk menyambut tetamu yang hadir dan dihidangkan dengan pelbagai jenis makanan dan minuman

## 6. PENUTUP

Penonjolan identiti serta nilai-nilai budaya bagi setiap kaum perlu didokumentasi agar generasi kini mengetahui asal usul budaya mereka. Ini juga akan membantu masyarakat agar dalam negeri ini saling memahami dan menghayati ketinggian dan kemurnian nilai-nilai hidup yang terpancar dalam budaya kita bersama.

## BIBLIOGRAFI

- Adat resam penduduk Sarawak, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak 1988.  
Benedict Sandin (1980). *Iban Way of Life*. Borneo Literature Bureau.  
Cheu Hock-Tong (Ed.). (1987). *Teori Agama Primitif*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.  
Dickson M.G. (1986). *Sarawak and its People*. Kuching, Sarawak: Borneo Literature Bureau.  
Evelyne Hong (1987). *Natives of Sarawak-Survival in Borneo's Vanishing Forest*. Kuching Malaysia: Institut Masyarakat.  
Geetz P. (Ed.). (1965). *Tafsiran Budaya (The Interpretation of Culture)*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.  
Henry Ling Roth (1980). *The Native of Sarawak & British North Borneo*. (Volume 11). Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.  
Kedit P.M. (1993). *Iban Belajai*. Kuching: Sarawak Literary Society.  
Kepas G. (Ed). (1966). *Sign, Image and Symbol*. New York: George Braziller.  
Mullen V. (1967). *The Story of Sarawak*. Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Oxford University Press.  
Pua identiti dan budaya masyarakat Iban, Noria Tugang, Universiti Malaysia Sarawak, 2014  
Vinson and Joanne. (2001). *The encyclopaedia of Iban and studies, Iban History, Society and Culture*; Tun Jugah Foundation.  
Zawawi Ibrahim (2008). *Representation, Identity and Multiculturalism In Sarawak*. Malaysia: Persatuan Sains Sosial Malaysia adn Dayak Cultural Foundation.